



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan.

TAJUK PROJEK	KOD BIDANG	TARIKH BUKA	TARIKH, MASA & TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
Tawaran Tender Bagi Kerja-Kerja Menaiktaraf Secara Reka & Bina Bangunan 2 Tingkat Sebagai Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Terengganu dan Pejabat YKN Zon Terengganu. No. Tender : YKN/PP/ PSSS/TGG/2026	BERDAFTAR DENGAN CIDB – GRED G3 DALAM KATEGORI PENGKHUSUSAN: 1. B04 (KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN) 2. B28 (KERJA-KERJA UBAHSUAI)	19 OGOS 2026	27 OGOS 2026 10.30 Pagi Tempat: Lot 3A & 3B, Wisma MBKT, Jalan Hiliran, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu. (Google Maps - Yayasan Kebajikan Negara Pejabat Zon Timur)	17 SEPTEMBER 2026 (Sebelum jam 12.00 tengah hari)

3. Petender hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mendapat dokumen:-

- i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat **Bumiputera** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu salinan sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan YKN semasa menyediakan dokumen. YKN berhak menolak permohonan yang pada tanggapan YKN tidak layak.

4. Dokumen tender boleh diperolehi selepas taklimat.

5. **Wakil syarikat** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk mendapatkan dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan mendapatkan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** sebagai pengesahan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**


6. **YKN** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **YKN** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat:

**Peti Tender,
Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia
Pejabat YKN Zon Terengganu,
Lot 3A, Wisma MBKT, Jalan Hiliran
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

8. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima.

Dikeluarkan Oleh :


Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia

